



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2022). Saimon. A., & Nor Aisyah Hafiza Tazudin. (2022). Analisis kata kunci dalam soalan karangan Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menggunakan perisian atlas.Ti 9. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, Julai, 2022, 211 – 229. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.8>

ANALISIS KATA KUNCI DALAM SOALAN KARANGAN BAHASA MELAYU PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) DENGAN MENGUNAKAN PERISIAN ATLAS.ti 9

*(Keyword Analysis in the Malay Essay Questions of the
Malaysian Certificate of Studies (SPM) Using ATLAS.ti 9)*

¹Mohd Sufian Ismail, & ²Anida Sarudin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Corresponding author: anida@fbk.upsi.edu.my

Received: 20/2/2022 Revised: 19/5/2022 Accepted: 27/7/2022 Published: 31/7/2022

ABSTRAK

Perisian ATLAS.ti 9 telah banyak digunakan dalam bidang penyelidikan. Perisian ini mampu diaplikasikan bagi menganalisis koleksi data secara sistematik terutama dalam bentuk teks. Berdasarkan perkembangan ini, penggunaan perisian ATLAS.ti 9 bagi menganalisis soalan karangan wajar dipraktikkan bagi mewujudkan proses analisis yang bersistematik. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisis kata kunci yang sering digunakan dalam soalan karangan bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membentuk kata kunci utama. Data kajian menggunakan soalan karangan SPM percubaan, soalan karangan SPM ulangan dan soalan

karangan SPM sebenar dari tahun 2010 hingga tahun 2020. Alat Pembinaan Soalan Kajian (RQDT), iaitu PICO yang mewakili Populasi, Fokus atau Minat dan Konteks diadaptasi bagi membolehkan aspek utama soalan karangan dapat dikategorikan untuk dianalisis. Kaedah analisis tematik Braun & Clarke dipraktikkan dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9 bagi menghasilkan tema tertentu pada setiap kod yang dibina. Tema-tema yang mewakili keseluruhan kata kunci seterusnya dirujuk kepada dua pakar dalam bidang penulisan karangan SPM bagi mendapatkan kesahan. Berdasarkan penyelidikan ini, didapati soalan karangan SPM dapat dikategorikan kepada tiga aspek utama berdasarkan PICO. Selain itu, wujud enam kata kunci utama yang mewakili aspek Populasi, tiga kata kunci utama yang mewakili aspek Fokus dan 12 kata kunci utama yang mewakili Konteks. Perkongsian proses penyelidikan ini penting bagi menjana inovasi guru-guru dalam proses menganalisis sesuatu bahan serta memberi pendedahan berkaitan perisian serta kaedah analisis terkini dalam penyelidikan. Selain itu, hasil kajian ini juga membolehkan penulisan karangan murid mampu difokuskan pada kehendak soalan berdasarkan tiga aspek utama serta tiga kata kunci utama yang sekaligus membuka peluang untuk perkembangan kajian lanjutan berkaitan inovasi dalam penulisan karangan.

Kata kunci: Soalan karangan, kata kunci, ATLAS.ti 9, analisis tematik, PICO.

ABSTRACT

ATLAS.ti 9 has been widely used in the research field. This software can be applied to systematically analyse data collection, especially in the form of text. Based on this development, the use of ATLAS.ti 9 to analyse essay questions should be practised to create a systematic analysis process. The purpose of this study is to analyse the keywords that are often used in the Malay language essay questions of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) to form the main keywords. The research data use trial SPM essay questions, repeat SPM essay questions and real SPM essay questions from 2010 to 2020. The Research Question Construction Tool (RQDT), which is PICO representing Population, Focus or Interest and Context was adapted to enable the main aspects of essay questions can be categorized for analysis. Braun & Clarke's thematic analysis method was practised with the help of ATLAS.ti 9

software to generate specific themes on each constructed code. The themes representing the entire keyword are then referred to two experts in SPM essay writing to obtain validity. Based on this research, it was found that SPM essay questions can be categorized into three main aspects based on PICO. In addition, there are six main keywords that represent the Population aspect, three main keywords that represent the Focus aspect and 12 main keywords that represent the Context. The sharing of this research process is important to generate teachers' innovation in analysing a material as well as providing exposure related to software and the latest analysis methods in research. In addition, the results of this study also enable students' essay writing to be able to focus on the requirements of the question based on three main aspects as well as three main keywords which at the same time open up opportunities for the development of further research related to innovation in essay writing.

Keywords: *Essay questions, keywords, ATLAS.ti 9, thematic analysis, PICO.*

PENGENALAN

Soalan karangan bahasa Melayu SPM sering menjadi bahan untuk dianalisis bagi tujuan menghasilkan soalan ramalan. Namun demikian, kemahiran murid untuk memahami kehendak soalan semestinya lebih penting berbanding dengan ketepatan menghasilkan soalan ramalan. Soalan karangan merupakan bahagian yang penting untuk difahami agar jawapan yang diberikan sesuai dengan kehendak soalan. Hal ini memerlukan murid mahir untuk memahami penggunaan frasa penting atau dalam kajian ini dinamakan sebagai 'kata kunci' yang membentuk soalan karangan. Pelajar yang mampu mengenal pasti kata kunci yang tepat semestinya dapat membina karangan yang menepati kehendak soalan, begitu juga sebaliknya. Dalam usaha memberikan kefahaman kepada murid, beberapa bahagian dalam soalan karangan perlu diperincikan. Selaras dengan kemajuan proses menganalisis dalam bidang penyelidikan, perkembangan ini semestinya membuka ruang untuk soalan karangan dianalisis dengan lebih sistematik. Dalam bidang penyelidikan, beberapa perisian digunakan bagi membantu proses analisis dijalankan. Antaranya termasuklah perisian ATLAS.ti 9. Selain itu, beberapa kaedah analisis juga digunakan bagi membolehkan proses ini dilakukan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Perisian ATLAS.ti 9 banyak membantu dalam proses menganalisis data secara tematik. Beberapa penyelidikan lepas seperti dalam kajian Saad et al. (2014) telah menggunakan perisian ATLAS.ti dengan berdasarkan 6 garis panduan analisis tematik Braun and Clarke (2006). Bakar et al. (2020) pula telah menggunakan perisian ini bagi mengenal pasti kategori tema utama dalam analisisnya. Penggunaan perisian ini juga digunakan bagi memaparkan hasil analisisnya dalam bentuk visual. Selain itu, Johnson et al. (2014) telah menggunakan perisian ini bagi membina analisis berbentuk induktif dalam kajiannya. Beberapa kajian lain yang setiasa berkembang dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 9 juga telah membuktikan bahawa perisian ini sesuai serta perlu diaplikasikan bagi membina analisis tematik dalam kajian ini.

Penggunaan kata kunci pula banyak diaplikasikan dalam proses pencarian data kajian. Pembinaan kata kunci ini merupakan salah satu prosedur dalam kajian sorotan literatur bersistematik (SLR) bagi mendapatkan data yang relevan dalam sesuatu pengkalan data. Selain itu, kata kunci yang dibina juga perlu diselarikan dengan persoalan kajian. Antara strategi yang sering digunakan adalah dengan menggunakan Alat Pembinaan Soalan Kajian (RQDT), iaitu PICO. Huruf P mewakili Populasi, huruf I mewakili Fokus dan gabungan huruf Co mewakili Konteks. Penggunaan alat ini membolehkan soalan kajian dapat dikategorikan kepada aspek-aspek tertentu. Selain itu, pelbagai kaedah digunakan bagi meluaskan lagi perkataan yang mewakili kata kunci tertentu. Berdasarkan Hayrol Azril et al., (2020), kata kunci sinonim dapat dibina dengan merujuk tesaurus dalam talian, rujukan kajian lepas, kata kunci yang disarankan dalam pengkalan data dan kata kunci yang dicadangkan oleh pakar. Antara penyelidikan yang menerangkan atau menggunakan alat pembinaan soalan kajian PICO bagi menentukan kata kunci dapat diperhatikan dalam Hayrol Azril, Nobaya Ahmad, et al., (2020), Hayrol Azril, Samsul Farid Samsuddin, et al., (2020), Hill et al. (2018), B. T. Johnson and Hennessy (2019), Linares-Espinós et al. (2018) dan Tawfik et al. (2019).

Bidang kemahiran menulis dalam karangan peringkat SPM juga telah banyak dikaji oleh penyelidik terdahulu. Sumbangan markah yang tinggi dalam SPM menjadikan kemahiran ini banyak diteroka dari pelbagai sudut. Antaranya termasuklah Jalil (2017) yang menganalisis tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka, Marzni Mohamed Mokhtar and Marni Jamil (2020)

pula mengkaji langkah yang diambil oleh guru bagi melaksanakan pengajaran penulisan karangan berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi. Othman and Suzanawaty (2014) mengkaji kesan pembelajaran berasaskan projek penulisan berbentuk risalah bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis, Gunaseran (2017) mengkaji langkah yang pragmatik bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dan laporan berdasarkan satu reka bentuk tertentu. Berdasarkan kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa kajian lebih tertumpu kepada menganalisis data karangan, sebaliknya soalan karangan kurang diambil kira. Oleh hal yang demikian, satu kajian yang menyeluruh dengan menggunakan kaedah serta alat kajian terkini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kata kunci utama yang mewakili keseluruhan kehendak soalan dalam karangan SPM. Analisis ini juga membantu proses membina inovasi dalam pendidikan terutama dalam bidang penulisan karangan.

Selain itu, pelbagai kemajuan dalam bidang penyelidikan seperti penggunaan kaedah analisis tematik dan teknik analisis data menggunakan perisian ATLAS.ti juga kurang mendapat perhatian bagi menjana idea dalam bidang penulisan peringkat SPM. Selain itu, kebanyakan kajian seperti dalam Gunaseran (2017); Jalil (2017); Marzni Mohamed Mokhtar and Marni Jamil (2020); Othman and Suzanawaty (2014) dan banyak lagi hanya tertumpu pada data karangan. Data karangan dianalisis berdasarkan kesalahan tatabahasa, kelemahan penggunaan kata majmuk dan sebagainya. Sebaliknya, analisis yang berfokuskan soalan karangan kurang diberi perhatian. Analisis soalan karangan juga biasanya hanya bertujuan bagi membina soalan ramalan berdasarkan koleksi tema soalan peperiksaan yang lepas. Berdasarkan permasalahan ini, analisis soalan karangan SPM dengan menumpukan kepada aspek kata kunci perlu dijalankan dengan menggunakan perisian penyelidikan terkini.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Data kajian merupakan koleksi soalan karangan SPM bermula dari tahun 2013 hingga 2020. Soalan ini terdiri daripada soalan karangan SPM percubaan negeri-negeri, soalan karangan SPM ulangan dan soalan karangan SPM sebenar yang dimuat turun daripada lima laman sesawang. Berikut merupakan laman sesawang yang digunakan bagi mendapatkan data kertas soalan.

Jadual 1

Laman Sesawang bagi Mendapatkan Data Kertas Soalan

Bil	Laman Sesawang
1	http://bmspm.net/index.html
2	https://education.malaysia-students.com/2016/10/koleksi-soalan-percubaan-bahasa-melayu.html
3	https://gurubesar.my/soalan-percubaan-spm-bahasa-melayu-sbp-2018/
4	http://smktanjongbunga-smktb.blogspot.com/2012/10/bank-soalan-bahasa-melayu.html
5	https://lamanbahasa.com/bank-soalan-2/

Sebanyak 191 kertas soalan dikumpulkan, iaitu 10 kertas soalan daripada peperiksaan SPM sebenar, 11 kertas soalan daripada peperiksaan ulangan dan 170 kertas soalan daripada soalan peperiksaan percubaan bagi setiap negeri dan sekolah tertentu. Perbezaan jumlah kertas soalan SPM sebenar, kertas soalan SPM ulangan dan kertas soalan SPM percubaan ini disebabkan beberapa faktor. Antaranya, terdapat beberapa kertas soalan yang tidak dapat dikumpulkan seperti kertas soalan SPM sebenar tahun 2020 kerana batasan pada kertas soalan tertutup serta beberapa kertas soalan percubaan untuk tahun-tahun tertentu kerana keterbatasan pencarian dalam laman sesawang. Sementara itu, kertas soalan percubaan melibatkan jumlah yang banyak kerana dikeluarkan mengikut negeri masing-masing. Hasil daripada proses ini, 894 soalan karangan bahagian A dan bahagian B berjaya dikumpulkan. Berikut merupakan perincian bagi setiap kertas soalan yang dikumpulkan.

Jadual 2

Kertas Soalan SPM Sebenar dan SPM Ulangan

Peperiksaan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
SPM sebenar	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	0
SPM ulangan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1

Jadual 3

Kertas Soalan SPM Percubaan bagi Setiap Negeri dan Sekolah Tertentu

Negeri/ Sekolah	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Kelantan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Selangor	1	1	1	1	1	0	1	1	1	1	1
Sabah	1	1	0	0	1	1	1	1	1	1	0
Sarawak	1	1	0	1	1	1	1	1	1	1	1
Pulau Pinang	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
WP	1	1	0	1	1	0	0	1	0	1	1
Perlis	1	1	1	0	0	1	1	1	1	1	1
Kedah	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Johor	1	1	1	1	0	1	1	1	1	1	1
Negeri Sembilan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	0
Terengganu	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Pahang	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Perak	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Melaka	1	1	1	1	0	1	1	1	1	1	0
Yik	0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
SBP	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
MRSM	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1

Koleksi soalan karangan yang telah dimuat turun ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan enam fasa analisis tematik Braun and Clarke (2008). Fasa yang pertama dimulakan dengan membuat pembacaan berulang dan mencatat idea awal bagi mendapatkan gambaran umum berkaitan data. Dalam fasa ini, proses menyalin data tidak dilakukan sebaliknya data kertas soalan dalam bentuk PDF ditukar kepada bentuk WORD bagi membolehkan proses analisis menggunakan perisian ATLAS.ti 9 dilakukan. Proses ini telah menggunakan aplikasi PDF2GO.com yang dapat diperoleh melalui laman sesawang <https://www.pdf2go.com/pdf-to-word>. Fasa kedua ialah menghasilkan kod asas. Kod ini dihasilkan berdasarkan kewujudan ciri data yang menarik secara sistematik. Dalam proses ini, alat pembinaan soalan kajian (RQDT), iaitu PICO diadaptasikan dan dijadikan sebagai kod. Setiap soalan akan dikategorikan berdasarkan kod dalam PICO, iaitu aspek Populasi, Fokus atau Minat dan

Konteks. Setiap aspek ini dijadikan sebagai kod utama. Fasa ketiga pula merupakan proses mencari tema, iaitu dengan menganalisis perkataan-perkataan yang mewakili sesuatu kod menjadi tema yang berpotensi. Dalam proses ini, perkataan-perkataan yang mewakili kod aspek Populasi, Fokus dan Konteks dianalisis secara berasingan dan dikategorikan kepada tema utama yang dapat mewakili setiap kod. Fasa seterusnya melalui proses ulasan tema, iaitu dengan menilai sama ada tema yang terhasil mempunyai persamaan atau tidak. Hal ini dilakukan bagi membolehkan tema yang terhasil dikumpulkan dalam kategori yang lebih umum. Fasa kelima melalui proses menentukan dan menamakan tema secara spesifik. Proses ini dilakukan bagi menghasilkan definisi dan nama yang jelas untuk setiap tema. Tema yang terhasil pada peringkat ini akan melalui proses validasi dengan merujuk kepada dua orang pakar dalam bidang penulisan karangan bahasa Melayu peringkat SPM. Akhir sekali, proses penulisan laporan dilakukan dengan melibatkan beberapa contoh ekstrak yang jelas dan menarik dan mengaitkan hasil analisis bagi menjawab persoalan kajian.


DAPATAN KAJIAN

Fasa 1

Proses ini dimulakan dengan pembacaan berulang dan proses menukar bentuk PDF kepada bentuk WORD. Berikut merupakan gambar rajah proses tersebut.

Rajah 1

Proses Menukar Bentuk PDF ke Bentuk WORD dengan Aplikasi PDF2GO



anda, negara, anak, usaha, masyarakat, langkah, peranan, Malaysia, faedah, cara, amalan, kesan, kebaikan dan beberapa perkataan lain. Kekerapan perkataan ini selaras dengan aspek Populasi dan Fokus. Taburan perkataan yang hadir di sekeliling perkataan yang mempunyai kekerapan yang tinggi ini seperti *teknologi, pemerdagangan, ekonomi, karya, pelajaran, kejiranan* dan sebagainya merujuk kepada aspek Konteks bagi soalan karangan tersebut. Hal ini selaras dengan tema yang disusun dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi tingkatan empat dan lima.

Senarai kekerapan perkataan yang diproses melalui perisian ATLAS.ti 9 membolehkan analisis tematik Braun and Clarke (2008) digunakan bagi mengkategorikan perkataan-perkataan berdasarkan kod aspek PICO. Berikut merupakan kategori perkataan berdasarkan kod aspek PICO.

Jadual 4

Kategori Perkataan Berdasarkan Kod Aspek PICO


PICO		
Populasi	Fokus	Konteks
Anda, negara, anak, masyarakat	Langkah, peranan, faedah, cara, amalan, kesan, kebaikan	teknologi, pemerdagangan, ekonomi, karya, pelajaran, kejiranan

Fasa 3

Fasa ini dimulakan dengan menganalisis perkataan-perkataan yang mewakili sesuatu kod menjadi tema yang berpotensi. Analisis Tematik Braun & Clarke (2008) ini menggunakan aplikasi ATLAS.ti 9 bagi mengumpulkan perkataan-perkataan yang tergolong dalam kod aspek Populasi. Berikut merupakan gambar rajah yang menunjukkan proses dalam fasa 3.

Rajah 3

Analisis Tematik Braun and Clarke (2008) dengan perisian ATLAS.ti 9 dalam Fasa 3



Setelah analisis pada rajah 3 selesai, perisian ATLAS.ti 9 akan menyediakan senarai keseluruhan perkataan yang dikodkan pada aspek Populasi dalam bentuk EXCEL. Berikut merupakan rajah senarai perkataan yang diproses dalam bentuk EXCEL.

Rajah 4

Perkataan yang dikodkan pada Aspek Populasi dalam Bentuk EXCEL

1	Document	Document Group	Quotation Content	Common Codes
1229	P2020trng	P	keluarga yang bahagia	pico populasi
1230	P2020trng	P	pihak-pihak terbabit	pico populasi
1231	P2020trng	P	murid-murid	pico populasi
1232	P2020trng	P	negara-negara serantau	pico populasi
1233	P2020trng	P	pelbagai pihak	pico populasi
1234	P2020yik	P	anda	pico populasi
1235	P2020yik	P	remaja	pico populasi
1236	P2020yik	P	pelajar-pelajar sekolah,	pico populasi
1237	P2020yik	P	keluarga yang bahagia	pico konteks pico populasi
1238	P2020yik	P	Ibu bapa	pico populasi
1239	P2020yik	P	Masyarakat	pico populasi
	P2020yik	P	Malaysia	pico populasi

RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* , Bil.. 1, Juli 2022, pp: 211-229

Jadual 5

Kategori dalam Aspek Populasi

Diri sendiri	Keluarga	Sekolah	Masyarakat	Malaysia	Dunia
Anda, remaja, kita, rakan, belia	Anak, ibu bapa, keluarga, kanak-kanak	Sekolah, pelajar, murid, guru, atlet, pengawas, pengerusi, PIBG, setiausaha	Masyarakat, pihak, rakyat, generasi, jiran, pengguna, usahawan, oku, pekerja, pembaca, penduduk, sasterawan, pegawai, penulis, polis, warganegara	Negara, Malaysia, pihak, kerajaan, pemimpin	Dunia, serantau, antarabangsa, sejagat, pelancong asing, manusia, asean

Analisis fasa 2 hingga 5 seterusnya diulang bagi kod aspek Fokus dan Konteks. Dalam kod aspek Fokus, analisis awan kata menggunakan perisian ATLAS.ti 9 membentuk perkataan-perkataan utama yang bermotivasi untuk membentuk kategori utama. Berikut merupakan rajah awan kata yang membentuk perkataan utama ini.

Rajah 6

Awan Kata bagi Aspek Fokus

Hasil daripada analisis tematik Braun and Clarke (2008), perkataan yang muncul dalam kekerapan penggunaan ini dapat dikategorikan kepada tiga bahagian. Berikut merupakan jadual pembahagian kategori berkenaan.



Jadual 6


Kategori dalam aspek Fokus

Punca	Kesan		Langkah
	Kesan baik	Kesan buruk	
Punca, faktor, ciri	Faedah, kepentingan, kebaikan, kesan, manfaat, nilai, kelebihan	Kesan, kepentingan	Usaha, langkah, peranan, cara, amalan, kerjasama, aktiviti, persediaan

Akhir sekali, analisis awan kata menggunakan perisian ATLAS.ti 9 pada perkataan dalam kod aspek Konteks membentuk beberapa perkataan yang bermotivasi untuk dijadikan kategori utama. Berikut merupakan rajah awan kata yang membentuk kategori ini.

Rajah 7

Awan Kata bagi Aspek Konteks



Proses menganalisis kata kunci dalam aspek Konteks berbeza dengan aspek Populasi dan Fokus kerana perkataan yang merujuk kepada aspek Konteks hadir di sekitar perkataan yang mempunyai kekerapan tinggi. Hasil daripada analisis tematik Braun & Clarke (2008), perkataan yang muncul di sekitar perkataan yang mempunyai kekerapan tinggi dapat dikategorikan kepada 12 bahagian. Kategori

ini diselaraskan dengan tema dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tingkatan empat dan lima. Berikut merupakan jadual pembahagian kategori berkenaan.

Jadual 7

Kategori dalam Aspek Konteks

Kategori	Perkataan
Kesihatan dan kebersihan	makanan, kebersihan, kesihatan, sihat, penyakit, wabak, stress, denggi, tekanan, bersih, penjagaan, berjangkit, keracunan, kitar, covid, dadah, makan, sarapan,
Keselamatan	keselamatan, kemalangan, penderaan, buli, kaunseling, krisis, menyayangi, kemanusiaan,
Perpaduan	kejiranan, perpaduan, awam ,sosial, kaum, komunikasi, kerjasama, bangsa, menghormati, royong, keharmonian, kemakmuran, kepelbagaian, kesejahteraan, penglibatan, pengorbanan, bergotong, keprihatinan, perayaan, berkomunikasi, bermasyarakat, bermuafakat, bersatu, gotong, kesepakatan, kesusahan, komuniti, konflik, pergaulan, prihatin, sabar, sukarelawan,
Kebudayaan, kesenian dan estetika	karya, budaya, filem, lirik, seni, kesenian, kraf, kreatif, adat
Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan	sikap, patriotik, patriotisme, bersahsiah, berwawasan, kemerdekaan, motivasi, jati, kegigihan, tekun
Sains, teknologi dan inovasi	teknologi, maklumat, pengangkutan, kemajuan, tmk, pembangunan, internet, telefon, laman, media, pintar, siber, ict, pemodenan
Alam sekitar, teknologi hijau	alam, bencana, keindahan, persekitaran, kemusnahan, pencemaran, sungai, globalisasi, jerebu, bioteknologi, kemarau
Pertanian, penternakan dan perikanan	pertanian, tani
Ekonomi, keusahawanan dan pengurusan kewangan	ekonomi, produk, berjimat, cermat, menabung, pelaburan, kemiskinan, koperasi, keusahawanan, kewangan, iks, kemelesetan, menjimatkan, modal, pasar, berdaya, kemerosotan, melabur, penghasilan, pengusaha, perbankan, perbelanjaan, perdagangan

(sambungan)

Kategori	Perkataan
Pelancongan	asing, melancong, pelancongan, lawatan
Sejarah dan warisan	tradisional, warisan, jasa, bersejarah, sejarah, tokoh
Sukan dan rekreasi	sukan, permainan, kokurikulum, bersukan, lapang, 1murid 1sukan, bersenam, berhibur, hobi
Perindustrian	industry, pekerja, prasarana
Pendidikan	membaca, pelajaran, cemerlang, ilmu, pendidikan, pengajaran, pengetahuan, akademik, peperiksaan, penguasaan, persekolahan, berilmu, kecemerlangan, mendidik, perpustakaan, berminda
Bahasa dan kesusasteraan	sastera, bahasa, novel, drama, syarahan, cerpen, peribahasa, puisi, pantun, gurindam, memartabatkan, penulisan, komsas, syair, pidato
Kerjaya	kejayaan, cita, kerjaya, kemahiran, pekerjaan, bekerja, berjaya, bakat, pendapatan, potensi
Integriti	jenayah, disiplin, rasuah, sahsiah, membanteras, berdisiplin, penipuan
Pentadbiran dan politik	pemerdagangan, keamanan, peperangan, politik, pemimpin, diplomatik, pengurusan

KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis menggunakan perisian ATLAS.ti 9 dengan bantuan kaedah analisis tematik Braun & Clarke (2008) melalui 6 fasa analisis mampu menghasilkan beberapa penemuan baharu. Antaranya, 6 kata kunci utama dalam aspek Populasi, iaitu *Diri Sendiri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat, Malaysia, dan Dunia*. Dalam aspek fokus pula, 3 kata kunci utama diperoleh, iaitu *Punca, Kesan dan Langkah*. Akhir sekali, 12 kata kunci utama dalam aspek Konteks, iaitu *Kesihatan dan Kebersihan, Keselamatan, Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Estetika, Jati diri, Sains, Alam sekitar, Ekonomi, Pelancongan, Sejarah, Sukan, Perindustrian, Pendidikan, Bahasa dan Kesusasteraan, Kerjaya, Integriti, Pentadbiran dan Politik*. Selain itu, penggunaan alat pembinaan soalan kajian (RQDT), iaitu PICO membolehkan soalan karangan dikategorikan kepada beberapa kod atau bahagian yang lebih umum, iaitu Populasi, Fokus dan Kontek. Pengajaran karangan oleh guru-guru perlu menekankan kefahaman

pelajar terhadap soalan karangan. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada guru serta penyelidik untuk membina inovasi bagi meningkatkan kefahaman murid dalam menjawab soalan karangan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ainul Zakiah Abu Bakar, Lalitha Ganesan, Mohhidin Othman, Sharifah Azizah Haron, & Farah Adibah Che Ishak. (2020). Where to eat: Exploring silver consumer restaurant dining choice in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(4), 3297–3317. <https://doi.org/10.47836/PJSSH.28.4.44>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Braun, V., & Clarke, V. (2008). Using thematic analysis in psychology, Qualitative Research in Psychology. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Gunaseraran, G. N. A. (2017). Meningkatkan Kemahiran Memodifikasikan Karangan Jenis Keperihalan Kepada Laporan Menggunakan Teknik Penjelmaan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1107–1120. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.654>
- Hayrol Azril, Nobaya Ahmad, Samsul Farid Samsuddin, Asnarulkhadi Abu Samah, & Mas Ernawati Hamdan. (2020). Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production*, 258. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2020.120595>
- Hayrol Azril, Samsul Farid Samsuddin, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality and Quantity*, 0123456789. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Hill, E., Claessen, M., Whitworth, A., Boyes, M., & Ward, R. (2018). Discourse and cognition in speakers with acquired brain injury (ABI): a systematic review. *International Journal of Language and Communication Disorders*, 53(4), 689–717. <https://doi.org/10.1111/1460-6984.12394>
- Jalil, A. G. (2017). Tingkah Laku Dan Proses Semasa Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Berprestasi Rendah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 951–958. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.637>

- Johnson, B. T., & Hennessy, E. A. (2019). Systematic reviews and meta-analyses in the health sciences: Best practice methods for research syntheses. *Social Science and Medicine*, 233, 237–251. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2019.05.035>
- Johnson, E. C., Horwood, J., & Gooberman-Hill, R. (2014). Conceptualising time before surgery: The experience of patients waiting for hip replacement. *Social Science and Medicine*, 116(May 2015), 126–133. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2014.06.037>
- Linares-Espinós, E., Hernández, V., Domínguez-Escrig, J. L., Fernández-Pello, S., Hevia, V., Mayor, J., Padilla-Fernández, B., & Ribal, M. J. (2018). Methodology of a systematic review. *Actas Urológicas Españolas (English Edition)*, 42(8), 499–506. <https://doi.org/10.1016/j.acuroe.2018.07.002>
- Marzni Mohamed Mokhtar, & Marni Jamil. (2020). Penggunaan Kata-Kata Hikmat , Tokoh dan Peribahasa dalam Proses Penulisan Karangan Argumentatif: Strategi Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Murid. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1), 58–64. <http://www.gjat.my/gjat2020vol10/8.pdf>
- Othman, Y., & Suzanawaty, D. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Malay Language Education Journal*, 4(Mei), 19–29.
- Saad, N. S. M., Yunus, M. M., & Embi, M. A. (2014). The successes and challenges in English language learning experiences of postgraduate international students in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(19), 206–217. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n19p206>
- Tawfik, G. M., Dila, K. A. S., Mohamed, M. Y. F., Tam, D. N. H., Kien, N. D., Ahmed, A. M., & Huy, N. T. (2019). A step by step guide for conducting a systematic review and meta-analysis with simulation data. *Tropical Medicine and Health*, 47(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s41182-019-0165-6>